



# Tangguh bacaan RUU Kesatuan Sekerja

CAMU gesa kerajaan adakan perbincangan terlebih dahulu sebelum bawa RUU ke Parlimen

SHAH ALAM

**G**abungan Menteriang Kepelbagaian Kesatuan Sekerja (CAMU) mahu ahli-ahli Parlimen yang kembali bersidang mulai esok menggesa kerajaan menaguhkan bacaan kali kedua Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja 1959 (Pindaan) 2022.

Gabungan itu mahu pihak kerajaan terutama Kementerian Sumber Manusia mengadakan perbincangan dengan kesatuan sekerja sebelum membawa RUU tersebut ke Parlimen untuk bacaan kali kedua.

Pengerusi CAMU, Rudy Rusly berkata, pindaan itu dibuat tanpa mengadakan perbincangan dengan pihak kesatuan sekerja terlebih dahulu.

Bacaan kali pertama telah dibuat pada 24 Mac lalu. Mengikuti aturan mesyuarat, RUU itu akan dibahaskan

pada sidang Julai hingga Ogos ini.

"Landskap kesatuan sekerja dikejutkan dengan bacaan kali pertama RUU Kesatuan Sekerja 1959 pada 24 Mac 2022 lalu.

"Langkah itu sememangnya mengejutkan kesatuan sekkerja kerana RUU dibawa ke Dewan Rakyat tanpa sebarang perbincangan dengan kesatuan sekkerja," kata beliau kepada *Sinar Harian*.

Menurut Rudy, jika RUU itu dilulus dan dikuatkuasakan akan membawa kepada pengeralan kepelbagaian kesatuan sekkerja di tempat kerja, antara lain mengakibatkan kewujudan lebih satu kesatuan yang sama di sesebuah syarikat dan ruang kepada kewujudan kesatuan yang lain untuk mewakili pekerja daripada sektor lain.

"Sehubungan itu, CAMU menggesa kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menaguhkan pembentangan bacaan kali kedua pada kadar segera dan mengadakan perundingan yang jujur serta rasmi bersama kesatuan sekkerja sebelum membentangkan RUU yang disemak semula itu," kata beliau.



RUDY

Menurutnya, hampir 50 peratus kandungan perundangan yang hendak dibawa menerusi pindaan kali ini akan membawa kesan buruk kepada pekerja dan kesatuan sekkerja.

Pada 2 Julai lalu, CAMU telah menyerahkannya satu memorandum kepada Perdana Menteri menggesa penangguhan RUU itu.

"Selain itu, surat gesaan juga telah dihantar kepada Menteri Sumber Manusia, Parti-parti politik utama negara dan Ahli-ahli Parlimen turut diminta supaya menyokong langkah CAMU yang mahu RUU ini ditangguhkan," kata beliau yang berharap kerajaan akan mendengar suara para pekerja dan pemimpin kesatuan sekkerja selaku pemegang taruh utama. Sehingga semalam, menurutnya, mereka telah menerima respons daripada beberapa parti politik ekoran memorandum yang dihantar dan bersejua untuk mengadakan perbincangan.

Selakat ini, lebih 40 kesatuan insidividu dan Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) yang dianggotai lebih 100 kesatuan, membuat pendirian sejulat suara untuk membantah RUU Kesatuan Sekerja.

## Tiga skop utama perangi rasuah

SHAH ALAM

Sebanyak 14 badan bu-kan kerajaan (NGO) yang bergabung bagi membentuk Rasuah Busters Selangor/Wilayah Persekutuan/Putrajaya akan memfokuskan tiga skop utama dalam usaha memerangi gejala rasuah.



WAN AZLIANA

Pengerusi Pertubuhan Aspirasi Wanita Malaysia (Aswa), Wan Azliana Wan Adnan berkata, tiga fokus itu melibatkan modul pendidikan seawal tadika hingga ke institusi pengajian tinggi (IPT), pengubahan dan pemabahaialan akta berkaitan kesalahan rasuah serta program kesedaran masyarakat berkaitan keberukuran rasuah. Beliau yang turut dilantik sebagai pengerusi gabungan berkata, modul pendidikan boleh dilaksanakan dalam format bengkel, kerja berkumpulan, karya kreatif yang memantafasikan kefahaman mereka bahawa rasuah satu kemudaratan yang serius.

"Selain itu, pengubahan dan pindaan undang-undang berkaitan hukuman rasuah juga perlu lebih keras di samping mewujudkan mahkamah khas. "Program kesedaran masyarakat pula akan memberi kefahaman tentang kesan rasuah terhadap diri dan keluarga.

"Ini termasuklah mewujudkan pusat aduan di kawasan strategik yang mana ia juga merupakan pelan tindakan bersifat semasa dan jangka sederhana," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Pada Jumaat, *Sinar Harian* melaporkan sebanyak 14 NGO bergabung bagi membentuk Rasuah Busters Selangor/Wilayah Persekutuan/ Putrajaya yang mewakili lebih 100 pertubuhan sivil di negeri berkenaan.

## 36 NGO desak projek musang king dihentikan serta-merta



Sebanyak 36 NGO berhimpun di Kampung Iboi bersama penduduk mendesak agar projek ladang musang king dihentikan serta-merta.

**BALING** - Sebanyak 36 badan bukan kerajaan (NGO) mendesak supaya projek ladang durian musang king di Gunung Inas yang didakwa menjadi punca tragedi di Kumpang itu telah menjejaskan 1,500 penduduk termasuk mengorbankan tiga nyawa.

"Tindakan menebang hutan Gunung Inas yang dikatakan bagi memberi taluan kepada projek ladang durian tersebut disyaki punca kepada banjir yang melanda 42 buah kampung dan kawasan perumahan di sini. "Jadi, kami mendesak agar

pihak berkuasa membatalkan projek ladang durian musang king itu serta-merta dan memulakan semula usaha pemuliharaan hutan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Himpunan NGO yang dihadiri 200 ahli dari 36 NGO di Kampung Iboi di sini, pada Sabtu.

Dakwanya, ladang terbabit terletak di kawasan cerun melebihi 25 darjah yang sepatutnya dipelihara mengikut Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA).

Bukti yang ditarah ini menimbulkan risiko hakisan tanah sehingga menyebabkan batang pokok dan lumpur hanyut ke kawasan kampung," katanya.

Pada 2018, pemantauan telah dibuat pihaknya bersama Eeco kerajaan negeri ketika itu,

sebelum projek penanaman durian bermula dan mendapati terdapat kerja-kerja persiapan teres ladang sedang dilakukan.

"Kita juga lihat terdapat empat buah tandas dibina di mana sisa buangan dilalirkan secara terus ke kawasan sungai yang menjadi sumber kepada 17 buah kampung dan 21,000 penduduk," katanya.

Menurutnya, ketika itu laporan telah dibuat kepada Jabatan Alam Sekitar tentang risiko kemungkinan berlakunya bencana banjir.

Justeru katanya, himpunan tersebut turut mendesak agar Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi meneliti keseluruhan projek selain siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dibuat terhadap semua pihak terlibat.



Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah yang dihadapi boleh berbuat demikian menerusi e-mel [aduan@sinarharian.com.my](mailto:aduan@sinarharian.com.my) atau menghubungi talian 03-5101 7469

10 pagi hingga 8 malam setiap hari